



## PEMBERITAHUAN

### UJIAN KOD MORSE SIRI KEDUA TAHUN 2011

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Ujian Kod Morse (CW) siri kedua bagi tahun 2011 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pada tarikh dan waktu seperti berikut.

No. Siri Ujian	Tarikh dan Masa Ujian	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan
CW 2011-2	28 Sept 2011, Jam 10 pagi	19 Aug 2011, Jam 5:00 Petang	Wilayah Tengah (Cyberjaya)

Kelayakan bagi menduduki ujian tersebut adalah seperti berikut:

1. Berumur 18 tahun ke atas pada hari ujian dilangsungkan; dan
2. Memiliki Penguntukan Radas Stesen Amatir Kelas B (9W) yang sah untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun pada tarikh ujian dilangsungkan.

Individu yang berminat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM dan laman web rasmi SKMM di [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my).

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta bayarannya, satu salinan dokumen Pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Paspot) dan satu salinan Pengutukan Radas Stesen Amatir, hendaklah dikembalikan kepada:

Bahagian Pembangunan, Prasarana dan Piawaian  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Sila tuliskan nombor siri ujian yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran ujian adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00) dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos Malaysia** atau **Derah Bank** yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan atas nama **"SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA"** dan mestilah dikepilkan bersama borang permohonannya. Permohonan yang disertakan dengan lain-lain kaedah pembayaran akan ditolak.

Jumlah calon adalah terhad dan keutamaan diberikan kepada permohonan awal yang diterima. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi SKMM di [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my) dan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari ujian dilangsungkan. Sila hubungi Cik Ida Khairuniah Idris (03-8688 8265) untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan.